



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 12/2018**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SYARAT-SYARAT PENETAPAN JAWATAN BAGI KATEGORI JAWATAN  
YANG MEMERLUKAN KELULUSAN PROFESIONAL**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarat-Syarat Penetapan Jawatan bagi kategori jawatan yang memerlukan kelulusan profesional adalah dikemaskinikan seperti berikut:-

1. Syarat-syarat penetapan jawatan bagi kategori jawatan yang memerlukan kelulusan profesional ini adalah pada mengambil kira keperluan untuk memperkemaskini dan menambahbaik syarat-syarat dan peraturan-peraturan penetapan jawatan dari masa ke semasa mengikut perkembangan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia Perkhidmatan Awam pada masa ini. Objektif pengemaskinian syarat-syarat penetapan jawatan ini adalah seperti berikut:-
  - i. Membantu perkembangan kerjaya (*career development*) yang lebih teratur dan sistematik, dan pegawai yang berkenaan itu akan dapat memiliki kelulusan profesional seperti yang dipersyaratkan dalam Skim Perkhidmatan masing-masing.
  - ii. Membolehkan pengemaskinian pelan Rancangan Penggantian (*Succession Planning*) bagi sesebuah jabatan atau kementerian bagi pegawai atau kakitangan yang telah ditetapkan dalam jawatan.

**2. DEFINISI KELULUSAN PROFESIONAL**

- 2.1 Kelulusan profesional adalah kelulusan khusus yang dipersyaratkan di dalam Skim Perkhidmatan bagi satu-satu jawatan sebelum ditetapkan dalam jawatan. Skim-Skim Perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:-



- 2 -

- Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG), Kementerian Pendidikan;
- Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU), Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- Skim Perkhidmatan Kejururawatan dan jawatan-jawatan *Allied Health Professional*, Kementerian Kesihatan;
- Skim Perkhidmatan *Air Traffic Controllers (ATC)*, Jabatan Penerbangan Awam; dan,
- Mana-mana Skim Perkhidmatan lain yang difikirkan bersesuaian mengikut keperluan dari masa ke semasa.

2.2 Kelulusan profesional yang dipersyaratkan sebelum penetapan jawatan adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala jawatan-jawatan yang dipersyaratkan untuk mendapatkan kelulusan profesional sebelum ditetapkan dalam jawatan, antaranya adalah seperti di **Lampiran B**.

### 3. SYARAT-SYARAT PENETAPAN JAWATAN

#### 3.1 Syarat-Syarat Asas Bagi Sokongan Penetapan Jawatan

Sebelum ditetapkan dalam jawatan, pegawai dan kakitangan berkenaan hendaklah memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:-

- Tiap-tiap pegawai apabila mula-mula dilantik ke satu jawatan, adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan selama tiga tahun sebelum ditetapkan dalam jawatan kecuali disyaratkan sebaliknya.
- Lulus peperiksaan (jika berkenaan).
- Memenuhi perkara yang dipersyaratkan dalam lantikan atau skim perkhidmatan.
- Memenuhi keperluan penilaian prestasi dua (2) tahun kebelakangan sekurang-kurangnya pada tahap 'BAIK' (Gred C).
- Mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan untuk ditetapkan jawatan.

 ...../3



- 3 -

### 3.2 Mekanisme Sokongan Penetapan Jawatan Yang Memerlukan Kelulusan Profesional

- i. Pegawai-pegawai yang dipersyaratkan untuk mendapatkan kelulusan profesional sebelum ditetapkan dalam jawatan yang berkenaan untuk **dikecualikan daripada pertimbangan Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (BMLDP)**;
- ii. Pegawai-pegawai ini akan **dikecualikan daripada memenuhi syarat LDP berkaitan gred prestasi**;
- iii. Syarat dimana pemohon mestilah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan adalah **dikecualikan**;
- iv. Peruntukan dikawal oleh Kementerian masing-masing, dan bukan di bawah LDP di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam;
- v. Pegawai-pegawai adalah dibenarkan **mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) jika bersesuaian**. Pengurusan dan pengawalannya adalah di bawah Jabatan atau Unit Sumber Tenaga Manusia, Kementerian masing-masing;
- vi. Kementerian-Kementerian berkenaan adalah dicadangkan untuk **menubuhkan satu Jawatankuasa yang akan bertanggungjawab bagi pengawalan jumlah pegawai-pegawai** yang akan mengikuti kursus bagi syarat penetapan jawatan dalam tempoh yang telah ditentukan, dengan menetapkan kriteria tertentu bagi maksud berkenaan. Keahlian Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan bersesuaian bagi menentukan tanda aras (*benchmark*) dan perlaksanaannya bagi mencapai tahap kualiti bidang profesional tersebut sepertimana yang dihasratkan.



- 4 -

#### 4. TARIKH BERKUATKUASA

Pengemaskinian Syarat-Syarat Penetapan Jawatan khususnya bagi jawatan-jawatan yang memerlukan kelulusan profesional ini berkuatkuasa pada **25 Ogos 2018**.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**“Keunggulan Perkhidmatan Awam, Memacu Ekonomi Negara”**



**(HAJI ROSLAN BIN HAJI TAJA'AH)**  
Setiasaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : ( 12 )JPM/SK/2018  
Tarikh : 27 Zulhijjah 1439  
08 September 2018

## **LAMPIRAN A**

- Sijil Perguruan Agama Lepas Ijazah
- Diploma Pendidikan (Diploma in Education)
- Postgraduate Certificate of Education (PGCE)
- Postgraduate Certificate of Technical Education (PGCTE)
- Education Specialist Diploma
- Certificate atau Master of Teaching (M.Teach)
- Sijil Khas Perguruan Agama
- Diploma Perguruan Agama Lepas Ijazah (Dip.Pu.Li)
- Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am) atau Sijil Pembantu Jururawat (Perbidanan)
- Diploma Kejururawatan atau Perbidanan atau Pergigian
- Sijil Tukang Ubat
- Sijil Jururawat Pergigian
- HND in Environmental Studies
- Certificate of Dispensing
- Sijil Teknologi Pergigian
- Lain-lain Sijil atau kelulusan yang berkaitan

## **LAMPIRAN B**

### **JAWATAN-JAWATAN YANG MEMERLUKAN KELULUSAN PROFESIONAL BAGI TUJUAN PENETAPAN JAWATAN**

Beberapa jawatan yang dikategorikan sebagai memerlukan kelulusan profesional bagi tujuan penetapan jawatan:-

- a. Guru Tingkat I
- b. Guru Tingkat II
- c. Pegawai Pendidikan Ugama
- d. Guru Ugama Tingkat I
- e. Guru Ugama Tingkat III
- f. Pegawai Trafik Udara Tingkat II
- g. Pegawai Trafik Udara Tingkat III
- h. Pembantu Trafik Udara
- i. Pembantu Jururawat Pelatih
- j. Jururawat Pelatih
- k. Jururawat Pelatih (Pergigian)
- l. Tukang Ubat Pelatih
- m. Merinyu Kesihatan Percubaan
- n. Merinyu Ubat Pelatih
- o. Juruteknik Gigi Percubaan
- p. Lain-lain jawatan yang berkaitan